

# PHARMANIAGA DEXTROMETHORPHAN COMPOUND

Dextromethorphan Hydrobromide/Promethazine Hydrochloride (15mg/4mg per 5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Pharmaniaga Dextromethorphan Compound
2. Bagaimana Pharmaniaga Dextromethorphan Compound berfungsi
3. Sebelum mengambil Pharmaniaga Dextromethorphan Compound
4. Cara mengambil Pharmaniaga Dextromethorphan Compound
5. Semasa menggunakan Pharmaniaga Dextromethorphan Compound
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Dextromethorphan Compound
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Pharmaniaga Dextromethorphan Compound

Pharmaniaga Dextromethorphan Compound digunakan untuk kelegaan sementara daripada batuk dan simptom jangkitan salur pernafasan bahagian atas yang berkaitan dengan alergi atau selesema.

## Bagaimana Pharmaniaga Dextromethorphan Compound berfungsi

Dextromethorphan ialah agen antitusif ( ubat batuk). Ia bertindak ke atas pusat batuk di dalam otak dan meningkatkan ambang untuk batuk.

Promethazine adalah antihistamina yang menghalang kesan histamina, sejenis bahan kimia yang wujud secara semulajadi di dalam badan. Ia juga memberi kesan pengeringan pada hidung dan mukosa oral.

## Sebelum mengambil Pharmaniaga Dextromethorphan Compound

### -Bila tidak boleh mengambil

- Jangan ambil Pharmaniaga Dextromethorphan Compound sekiranya anda mengalami alahan kepada sebarang ubat yang mengandungi dextromethorphan atau promethazine.
- Jangan mengambil dextromethorphan dan promethazine sekiranya anda mempunyai masalah asma atau penyakit paru-paru yang lain.
- Jangan mengambil ubat ini sekiranya anda sedang atau pernah mengambil ubat-ubatan dalam kumpulan perencat monoamine oxidase untuk merawat masalah kemurungan.
- Jangan ambil ubat ini jika anda terlalu sensitif pada bisulfit kerana penyediaan ubat ini mengandungi sodium metabisulfit.

Produk ini mengandungi Promethazine hidroklorida. Ia tidak boleh digunakan pada pesakit pediatrik berumur kurang daripada 2 tahun kerana potensi untuk depresi respiratori . Guna dengan berhati-hati dan mengikut nasihat daripada doktor atau ahli farmasi untuk kanak-kanak berumur 2 hingga 6 tahun.

### -Sebelum mula mengambil

Sebelum mengambil dextromethorphan dan promethazine, beritahu doktor anda sekiranya anda alergi/alah kepada mana-mana ubat. Sebelum mengambil dextromethorphan dan promethazine, beritahu doktor anda sekiranya anda mengalami:

- Epilepsi atau masalah sawan yang lain

- nafas terhenti semasa tidur (apnea)
- ulser perut atau masalah sistem penghadaman tersumbat

Sekiranya anda mengalami salah satu masalah tersebut, anda berkemungkinan tidak boleh mengambil dextromethorphan dan promethazine, atau anda memerlukan pengubahsuai dos. Dextromethorphan perlu diambil dengan berhati-hati pada kanak-kanak atopi (mengalami kulit gatal)

### *Mengandung dan penyusuan anak*

Ubat ini mungkin berbahaya kepada janin dalam kandungan. Beritahu doktor anda sekiranya anda hamil atau merancang untuk hamil semasa dalam rawatan.

Sejumlah kecil antihistamina mungkin akan dikumuhkan ke dalam susu ibu sekiranya ibu yang menyusu mengambil ubat ini dan akan menyebabkan kesan sampingan kepada bayi yang disusui seperti kerengsaan dan keterujaan. Antihistamina boleh menyekat penghasilan susu ibu.Jangan mengambil dextromethorphan dan promethazine tanpa memberitahu doktor bahawa anda menyusukan anak.

### *Pediatrik*

Pengambilan ubat ini tidak digalakkan untuk kanak-kanak berumur 2 tahun ke bawah disebabkan oleh kesan sampingan sistem saraf pusat (CNS) dan peningkatan kecenderungan menjadi sawan disebabkan oleh promethazine.

### *Geriatrik*

Pening, mengantuk, kekeliruan dan tekanan darah rendah mungkin lebih kerap berlaku pada pesakit geriatrik yang mengambil antihistamina. Warga tua

terutamanya lebih cenderung mengalami kesan sampingan antikolinergik daripada promethazine seperti mulut kering dan pengekalan kencing (terutamanya bagi lelaki). Jika kesan-kesan sampingan ini berlaku dan berterusan atau menjadi teruk, rawatan perubatan perlu diberhentikan.

**-Jika mengambil ubat-ubat lain**

Beritahu doktor atau ahli farmasi tentang sebarang ubat-ubatan yang anda ambil termasuklah yang dibeli tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan lain.

Beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil Pharmaniaga Dextromethorphan Compound jika anda mengambil mana-mana terutamanya alkohol atau ubat depresi sistem saraf pusat (analgesik narkotik, sedatif, hipnotik dan trankuilizer) anticholinergics, epinefrin (merawat alergi yang teruk), levodopa (merawat penyakit Parkinson) atau perencat monoamine oxidase (MAO).

**Cara mengambil Pharmaniaga Dextromethorphan Compound**

Ambil ubat ini seperti atas arahan doktor. Jangan mengambil ubat ini secara berlebihan atau lebih dari tempoh yang disarankan. Ikut arahan pada label ubat tersebut. Bertanya kepada doktor sebelum memberikan ubat batuk atau selsema kepada kanak-kanak. Kematian boleh berlaku daripada penyalahgunaan ubat batuk atau selsema dikalangan kanak-kanak. Bagi memastikan anda mendapat dos yang tepat, guna sudu atau cawan pengukur dos dan bukan sudu biasa dirumah. Jika anda tiada alatan tersedia, bertanya kepada ahli farmasi anda dimana boleh diperolehi alatan tersebut.

**-Berapa banyak harus diambil**

Dewasa: 10 mL setiap enam hingga lapan jam  
Maksima 40 mL sehari

Kanak-kanak:

6-12 tahun: 5 mL setiap enam hingga lapan jam. Maksima 20 mL sehari.

2-6 tahun: 2.5 mL setiap enam hingga lapan jam. Maksima 10 mL sehari.

Kanak-kanak bawah 2 tahun: pengambilan tidak digalakkan.

**-Bila perlu diambil**

Setiap 6-8 jam sehari.

**-Berapa lama perlu diambil**

Ubat batuk atau selsema biasanya diambil hanya untuk tempoh yang singkat sahaja sehingga simptom anda sudah tiada.

**-Jika terlupa mengambil**

Anda mungkin tidak perlu mengambil ubat ini mengikut jadual yang tetap kerana kebanyakan ubat batuk dan selsema hanya diambil bila perlu sahaja. Sekiranya anda mengikut jadual yang betul semasa mengambil ubat ini dan anda terlupa satu dos, ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

**-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)**

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Simptom-simptom terlebih dos bagi dextromethorphan dan promethazine termasuklah tekanan darah rendah, keterujaan,

kekiliran, mimpi buruk, rasa amat mengantuk, pening, mulut kering, anak mata membesar, kemerahan muka, loya, muntah, lemah pernafasan dan tidak sedarkan diri.

**Semasa menggunakan Pharmaniaga Dextromethorphan Compound**

**-Perkara yang perlu dilakukan**

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Pharmaniaga Dextromethorphan Compound.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda sekiranya simptom anda tidak bertambah baik. Ahli farmasi atau doktor anda akan memeriksa keadaan anda dan akan memberitahu sama ada anda perlu meneruskan atau tidak pengambilan ubat ini.

**-Perkara yang tidak boleh dilakukan**

Elakkan minuman beralkohol kerana ianya boleh meningkatkan kesan sampingan dextromethorphan dan promethazine.

Jangan menggunakan ubat-ubatan untuk batuk, selsema atau alergi/alahan yang lain tanpa memberitahu doktor atau ahli farmasi anda terlebih dahulu. Dextromethorphan boleh didapati dalam banyak sediaan ubat yang boleh dibeli tanpa preskripsi di kedai-kedai farmasi. Sekiranya anda mengambil sesetengah ubat lain bersama-sama ubat ini anda berkemungkinan akan terambil ubat ini secara berlebihan. Baca label ubat-ubatan lain yang anda gunakan untuk melihat sama ada ia mengandungi dextromethorphan.

**-Perkara yang perlu diberi perhatian**

Kesan ubat ini boleh menyebabkan mengantuk atau boleh mengganggu pemikiran atau tindak balas anda. Berhati-hati jika anda memandu atau melakukan sesuatu yang memerlukan anda berjaga dan berwaspada. Kanak-kanak perlu diawasi bagi mengelakkan bahaya yang mungkin berlaku ketika menunggang basikal atau ketika aktiviti berbahaya yang lain.

Elakkan minuman beralkohol kerana ianya boleh meningkatkan kesan sampingan dextromethorphan dan promethazine.

**Kesan-kesan sampingan**

Semua ubat boleh mempunyai kesan-kesan sampingan. Kadang kala ianya serius, tapi kebanyakan masa ianya tidak. Doktor atau ahli farmasi anda telah mempertimbangkan risiko dan kelebihan anda menggunakan ubat ini. Antara kesan-kesan sampingan termasuk:

- pening, mengantuk, atau kekeliruan
- penebalan lendir
- susah atau sakit ketika kencing
- peningkatan berpeluh
- hilang selera makan
- ruam kulit
- peningkatan kadar degupan jantung
- pandangan kabur
- kering mulut, hidung dan tekak
- telinga berdengung
- loya atau muntah

Kesan sampingan selain daripada yang disebut di atas mungkin juga berlaku. Bincanglah dengan doktor anda sebarang kesan sampingan yang luar biasa atau yang menganggu anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan

melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my)  
(Consumers → Reporting)

**Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Dextromethorphan Compound**

**-Penyimpanan**

Pastikan botol ditutup rapat. Jauhkan dari cahaya.

Pastikan semua ubat tidak dapat dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak.

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh tamat tempoh yang dicetak pada bungkusannya. Simpan di tempat yang bersuhu bawah 25°.

**-Pelupusan**

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

**-Rupa dan warna produk**

Cecair jernih berwarna coklat.

**-Bahan-bahan kandungan:**

Bahan-bahan aktif  
Setiap 5 mL Pharmaniaga Dextromethorphan Compound mengandungi Dextromethorphan hydrobromide 15 mg, dan Promethazine HCl 4 mg.

Bahan-bahan tidak aktif

*Refined Sugar, Menthol Crystals Caramel, Xanthum Gum Sodium Citrate, Sodium Metabisulfite, Citric Acid Anhydrous, Raspberry Flavour Ascorbic Acid, Purified Water Glycerin, Sodium Benzoate Sodium Sulphite, Peppermint Oil*

**-Nombor MAL:**

MAL19986509A

**Pengilang:**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),

11A, Jalan P/1,  
Kawasan Perusahaan Bangi, 43650  
Bandar Baru Bangi, Selangor Darul  
Ehsan,  
Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk:**  
Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),  
11A, Jalan P/1,  
Kawasan Perusahaan Bangi, 43650  
Bandar Baru Bangi, Selangor Darul  
Ehsan,  
Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP:**  
05/08/2015

**Nombor siri**

BPFK(R4/1)140715/00196